

03/10/2001

Malaysia yakin projek Hubungan Landasan Keretapi berjaya

Saidon Idris; Mohd Zin Ali

KUALA LUMPUR, Selasa - Malaysia yakin projek Hubungan Landasan Keretapi Trans-Asia yang menghubungkan rangkaian landasan kereta api dari Singapura ke Kunming, China, mampu memberi kejayaan kepada semua negara terbabit.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata ketika ini, kajian projek yang sudah dibentang dan diluluskan oleh Sidang Kemuncak Pemimpin Tertinggi Asean tahun lalu, berada di Myanmar.

"Kini adalah giliran Myanmar untuk mengambil alih dan meneliti pelaksanaan projek berkenaan. Bagaimanapun, pendirian Malaysia ialah projek ini akan memberikan kejayaan 100 peratus kepada semua negara terbabit.

"Seperti yang kita sedia maklum, orang ramai mula memperkatakan mengenai projek Landasan Trans-Siberia. Oleh itu, saya percaya usaha kita mewujudkan projek Trans-Asia ini turut membantu mengembalikan zaman keemasan landasan kereta api seperti sebelum ini," katanya di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai perkembangan projek Landasan Trans-Asia selepas merasmikan Persidangan Pengurus Besar Kereta Api Asean ke-23 di sini, hari ini.

Projek pembinaan landasan kereta api melalui lapan negara iaitu Malaysia, Singapura, Thailand, Kemboja, Laos, Myanmar, Vietnam dan China itu akan memberikan kesan limpahan ekonomi kepada semua negara.

Laluan itu akan menghubungkan landasan sedia ada dengan empat lagi laluan yang bakal dibina iaitu:

- * Landasan 48 kilometer dari Poipet, Thailand ke Sisipon (Kemboja).
- * Landasan 383 kilometer dari Phnom Penh (Kemboja) ke Ho Chi Minh City (Vietnam) melalui Loc Ninh (Vietnam).
- * Landasan rangkaian 585 kilometer menghubungkan 'landlocked' dari Laos ke Vietnam.
- * Landasan baru antara Thailand dan Myanmar membabitkan pembinaan 263 kilometer.

Sementara itu, Dr Ling berkata, kerajaan sedang menimbang cadangan untuk meningkatkan tahap keselamatan pesawat komersial berikutan kejadian serangan pengganas di Pusat Dagangan Dunia (WTC) New York dan Pentagon, Washington, Amerika Syarikat pada 11 September lalu.

Beliau berkata, kejadian rampasan pesawat kini berada dalam dimensi baru apabila ia digunakan untuk merempuh bangunan sehingga menyebabkan kerosakan besar dan mengorbankan banyak nyawa.

"Oleh itu, kerajaan akan menimbang beberapa cadangan seperti penggunaan marsyal udara, pengubahsuaian pintu kokpit supaya boleh dibuka hanya dari dalam dan sebagainya bagi memastikan keselamatan pesawat dipertingkatkan," katanya.

Sementara itu, Dr Ling yang juga Presiden MCA, berkata pihaknya bersetuju dengan pengisytiharan terbuka oleh Perdana Menteri baru-baru ini bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam.

"Semua pihak menerima pengisytiharan itu kerana ia sudah termaktub dalam perlembagaan negara.

"Islam adalah agama rasmi negara dan perlembagaan turut memperuntukkan kebebasan penganut agama lain untuk mengamalkan agama masing-masing," katanya ketika diminta menyahut cabaran DAP supaya memberikan sokongan kepada pengisytiharan terbuka Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai Malaysia adalah negara Islam.

(END)